



ALLIANZ KASIH4ALL

Perlindungan mampu milik untuk yang tersayang

Apakah yang menjadikan perjalanan hidup bermakna? Ia bukan sekadar keselesaan yang dikecapi hari ini, namun keyakinan untuk menempuh hari esok. Untuk itu, berikanlah insan tersayang anda dengan **hadiah keyakinan** kerana walau apa jua yang terjadi, anda masih dapat memberikan mereka dengan jaminan kewangan di masa hadapan bersama **Allianz Kasih4All**.

Jalani Kehidupan Penuh Ketenangan dengan Perlindungan Mampu Milik untuk Anda dan Insan Tersayang.

Memperkenalkan **Allianz Kasih4All** - pelan insurans hayat di bawah **Inisiatif Insurans Rahmah** yang direka khusus untuk memberikan perlindungan kewangan kepada keluarga tersayang sekiranya anda meninggal dunia. Pilih satu antara **dua pelan unik** dengan tempoh perlindungan sehingga **Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun** pada hari lahir terdekat dan premium tahunan mampu milik, yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan anda.

Perlindungan dan Premium Tahunan¹

Umur Tercapai	Manfaat dan Premium Tahunan			
	Pelan 1		Pelan 2	
	Kematian bukan akibat kemalangan ² (RM10,000)	Kematian akibat kemalangan (RM15,000)	Kematian bukan akibat kemalangan ² (RM20,000)	Kematian akibat kemalangan (RM30,000)
16-40	RM35		RM55	
41-50	RM70		RM130	
51-60	RM150		RM280	
61-70*	RM380		RM750	

Nota:

1. Kadar premium adalah tidak terjamin dan akan dicaj berdasarkan umur tercapai dengan hari lahir terdekat semasa waktu Pembaharuan.

2. Sekiranya kematian bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari Tarikh Terbitan Polisi, manfaat yang akan dibayar adalah hanya terhad kepada Premium yang telah dibayar di bawah Polisi.

Kematian Akibat Bunuh Diri

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan, sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, Polisi ini akan ditamatkan dan Kami akan memulangkan Premium yang telah dibayar tanpa faedah.

Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Kontrak Polisi untuk pengecualian dan butiran lanjut.

*Untuk pembaharuan polisi sahaja.

Faedah Allianz Kasih4All

Hidup ini penuh dengan perkara yang di luar jangkaan. Anda tidak dapat meramal masa hadapan mahupun menjamin kelangsungan hidup anda untuk insan tersayang. Perkara yang terbaik yang anda boleh lakukan adalah dengan melindungi mereka dengan jaminan kewangan bersama **Allianz Kasih4All**.



Membayar bil
dan pinjaman
tertunggak



Mengurangkan
beban perbelanjaan
keluarga



Menjaga ibu bapa
anda yang sudah
berusia



Membantu
mengurangkan
beban kos kematian



Membiayai
pendidikan anak-
anak anda